

**PROGRAM KOLOKIUUM PENYELIDIKAN 2020**  
**ANJURAN**  
**INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**

**FAKTOR PENENTU KESEJAHTERAAN EKONOMI SUBJEKTIF**  
**DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI PUTRAJAYA**

Mohd Haziman Bin Ab Ghani

# KANDUNGAN PEMBENTANGAN

1.0	<b>PENGENALAN</b> 1.1 Pengenalan 1.2 Kenyataan Masalah 1.3 Persoalan & Objektif Kajian 1.4 Hipotesis Kajian 1.5 Definisi Istilah
2.0	<b>KAJIAN-KAJIAN LEPAS</b> 2.1 Teori Asas dan Kerangka Kajian
3.0	<b>METODOLOGI KAJIAN</b> 3.1 Skop, Limitasi dan Teknik Pensampelan 3.2 Pengumpulan Data dan Instrumen 3.3 Lokasi Kajian 3.4 Instrumen Borang Soal Selidik
4.0	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b> 4.1 Maklumat Latar Belakang Responden 4.2 Kepuasan Terhadap Pendapatan 4.3 Kepuasan Terhadap Perbelanjaan 4.4 Kepuasan Terhadap Simpanan 4.5 Kesejahteraan Pemilikan Harta 4.6 Perlakuan Berekonomi 4.7 Kesejahteraan Ekonomi Subjektif 4.8 Keputusan Hipotesis
5.0	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN</b>

# 1.1 PENGENALAN

Kerajaan Malaysia telah berusaha meningkatkan kesejahteraan hidup bagi semua lapisan masyarakat Malaysia semenjak kemerdekaan dengan memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan hidup kepada rakyat.

**(Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) hingga RMKe-11)**

Kesejahteraan hidup merupakan suatu konsep yang luas yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia

Kesejahteraan hidup penjawat awam perlu diberikan perhatian yang sewajarnya selaras dengan hasrat kerajaan bagi **meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan** yang lebih efektif dan berkesan dalam kalangan penjawat awam.

1.2 juta Penjawat Awam di Malaysia (762,781 orang daripadanya kumpulan pelaksana)

- Kesejahteraan hidup merangkumi pelbagai elemen kepuasan dalam kehidupan seperti kesihatan, situasi kewangan, hubungan sosial, nilai diri, masa lapang, kekeluargaan dan pekerjaan
- Tumpuan khusus kajian ini diberikan kepada domain **Kesejahteraan Ekonomi Subjektif** atau ***Subjective Economic Well-being*** dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

*“Kesejahteraan Ekonomi merujuk kepada tanggapan atau penilaian seseorang mengenai keadaan atau tahap ekonomi mereka berdasarkan apa yang diperlukan dan apa yang dikehendaki”*

*- Hayhoe dan Welhem (1998)*

# 1.2 KENYATAAN MASALAH




## 1. Isu Peningkatan Kos Sara Hidup

Peningkatan harga umum yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) yang berterusan: **1.0% (2015), 3.5% (2016), 3.2% (2017) & 2.7% (2018)**




## 3. Perbelanjaan Penggunaan dikaitkan dengan isu kos sara hidup

Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016: peningkatan perbelanjaan penggunaan isi rumah dari RM3,578 (2014) kepada RM4,033 (2016) dengan **hanya pertumbuhan sebanyak 6% berbanding 9.8% (Laporan 2014)**



## 5. Hutang isi rumah

Berlaku tren **penurunan hutang isi rumah** sejak tahun 2014 hingga 2017. **Pertumbuhan hanya 5.4% (2016) dan 4.9% (2017)** – Laporan Bank Negara Malaysia 2017



## 2. Purata pendapatan bulanan

Berlaku peningkatan pendapatan namun **tiada kajian dibuat** bagi menilai tahap kepuasan terhadap pendapatan. (Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016)



## 4. Ketidakmampuan isi rumah membuat simpanan

Kadar simpanan isi rumah di Malaysia adalah antara yang **terendah didunia** (Khazanah Research Institute , 2016)



## 6. Amalan perlakuan berekonomi

Kajian berkaitan amalan perlakuan berekonomi berada pada tahap yang rendah pada 10 tahun yang lalu – (Paim, Sharifah, Badari & Masud, 2008);

# 1.3 PERSOALAN & OBJEKTIF KAJIAN

## Persoalan

## Objektif

1. Apakah **tahap kepuasan terhadap pendapatan, perbelanjaan** serta bagaimanakah pola perbelanjaan isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya?

1. Mengenalpasti **tahap kepuasan terhadap pendapatan, perbelanjaan** serta pola perbelanjaan dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya;

2. Apakah **tahap kepuasan terhadap simpanan dan pemilikan harta** serta bagaimanakah pola simpanan dan pola pemilikan harta dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya?

2. Mengenalpasti pola simpanan dan **tahap kepuasan terhadap simpanan** serta pola pemilikan harta dan **tahap kepuasan terhadap pemilikan harta** dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya;

3. Apakah **tahap kesejahteraan ekonomi subjektif** serta tahap perlakuan berekonomi isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya?

3. Mengenalpasti **tahap kesejahteraan ekonomi subjektif** dan mengukur tahap perlakuan berekonomi isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya;

4. Adakah terdapat **perbezaan kesejahteraan ekonomi subjektif (KES)** dalam kalangan penjawat awam mengikut angkubah terpilih (jantina, umur, pendapatan isi rumah)?

4. Menentukan **perbezaan kesejahteraan ekonomi subjektif** dalam kalangan penjawat awam mengikut angkubah terpilih (jantina, umur, pendapatan isi rumah);

5. Apakah **perkaitan** antara sosiodemografi (jantina, umur & pendapatan isi rumah), kepuasan pendapatan, kepuasan perbelanjaan, kepuasan simpanan, kepuasan pemilikan harta, perlakuan berekonomi dan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya?

5. Menentukan **perkaitan** antara kepuasan pendapatan, kepuasan perbelanjaan, kepuasan simpanan, kepuasan pemilikan harta, perlakuan berekonomi dan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya; dan

6. Apakah **faktor-faktor yang mempengaruhi** tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya?

6. Mengenalpasti **faktor-faktor yang mempengaruhi** kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya;

# 1.4 HIPOTESIS KAJIAN

$H_a1$ : Terdapat perbezaan kesejahteraan ekonomi subjektif yang signifikan dalam kalangan penjawat awam mengikut jantina

$H_a2$ : Terdapat perbezaan kesejahteraan ekonomi subjektif yang signifikan dalam kalangan penjawat awam mengikut umur.

$H_a3$ : Terdapat perbezaan kesejahteraan ekonomi subjektif yang signifikan dalam kalangan penjawat awam mengikut pendapatan bulanan isi rumah.

$H_a4$ : Terdapat perkaitan yang signifikan antara kepuasan pendapatan dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

$H_a5$ : Terdapat perkaitan yang signifikan antara kepuasan perbelanjaan dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

$H_a6$ : Terdapat perkaitan yang signifikan antara kepuasan simpanan dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam.

$H_a7$ : Terdapat perkaitan yang signifikan antara kepuasan pemilikan harta dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

$H_a8$ : Terdapat perkaitan yang signifikan antara perlakuan berekonomi dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

$H_a9$ : Sosiodemografi, kepuasan pendapatan, kepuasan perbelanjaan, kepuasan simpanan, kepuasan pemilikan harta dan perlakuan berekonomi merupakan faktor penyumbang kepada kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

**Objektif 4**

**Objektif 5**

**Objektif 6**

# 1.5 DEFINISI ISTILAH

---

ISTILAH	OPERASIONAL
Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	Kesejahteraan ekonomi subjektif di dalam kajian ini merujuk kepada penilaian responden mengenai tahap ekonomi mereka yang dinilai secara subjektif tentang sejauh mana mereka berpuas hati dengan situasi ekonomi mereka.
Pendapatan	Pendapatan di dalam kajian ini merujuk kepada penilaian secara subjektif penjawat awam tentang sejauh mana tahap kepuasan mereka terhadap pendapatan mereka dan pendapatan isi rumah.
Perbelanjaan	Perbelanjaan di dalam kajian ini merujuk kepada penilaian secara subjektif penjawat awam tentang sejauh mana tahap kepuasan responden terhadap perbelanjaan mereka dan isi rumah serta pola perbelanjaan mengikut kategori barangan dan perkhidmatan.
Simpanan	Simpanan di dalam kajian ini merujuk kepada penilaian secara subjektif penjawat awam tentang sejauh mana tahap kepuasan mereka terhadap simpanan mereka dan simpanan isi rumah.
Pemilikan Harta	Pemilikan harta di dalam kajian ini merujuk kepada penilaian secara subjektif penjawat awam tentang sejauh mana tahap kepuasan terhadap pemilikan harta mereka dan pemilikan harta isi rumah.
Perlakuan Berekonomi	Perlakuan berekonomi di dalam kajian ini merujuk kepada penilaian penjawat awam tentang sejauh mana tahap tindakan yang diambil oleh responden dan isi rumah bagi mengatasi masalah berkaitan ekonomi isi rumah.

## 2.0 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

- Kesejahteraan ekonomi adalah merupakan satu daripada elemen penting yang digunakan bagi mengukur kesejahteraan hidup seseorang individu atau sesebuah isi rumah secara menyeluruh. **(Paim, Yahaya, Salleh, Hashim, & Yahaya, 2004)**
- Tanggapan atau penilaian seseorang mengenai keadaan atau tahap ekonomi mereka berdasarkan apa yang diperlukan dan apa yang dikehendaki **(Hayhoe dan Wilhelm, 1998)**
- Umur mempengaruhi kebahagiaan di mana individu yang muda dan tua dilaporkan lebih bahagia berbanding mereka yang dalam umur pertengahan. Individu yang paling rendah tahap bahagia adalah di antara umur 30 hingga 35. Dari sudut jantina, wanita dilaporkan lebih bahagia berbanding lelaki. **(Frey dan Stutzer (2018)),**
- Faktor pendapatan bulanan mempunyai perkaitan dan pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan hidup. **(Ngamaba, 2017)**
- Isi rumah yang berbelanja lebih tinggi dilaporkan mempunyai kepuasan hidup yang tinggi, serta merasakan perkara yang dilakukan dalam hidup mereka adalah berbaloi dan gembira dengan kehidupan mereka. **(Lewis, 2014)**
- Pemilikan harta mempunyai perkaitan yang positif dengan kebahagiaan, dan hubungan ini adalah lebih kuat di negara-negara yang miskin. **(Borrero, Bolena, María, dan Carlos, 2013)**
- Salah satu langkah mekanisma yang diambil oleh kumpulan isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia semasa krisis ekonomi adalah dengan mengamalkan perlakuan berekonomi. **(Paim et al. (2008))**




# 2.1 Teori Asas dan Kerangka Kajian

## Teori Utiliti - Alfred Marshall (1890)


Mendefinisikan utiliti barangan sebagai keinginan (desirability) .

Keinginan atau utiliti sesuatu barangan atau benda kepada seseorang kebiasaannya diukur oleh nilai wang yang sanggup dibayar.

Marshall ada mengaitkan di antara utiliti dengan kebahagiaan (happiness) atau keseronokan (pleasure) di dalam edisi pertamanya manakala istilah kepuasan (satisfaction) di dalam keluaran edisi terakhirnya. **Martinoia (2003),**




**Model Penggunaan dan Pengeluaran – Magrabi et al (1991)**



**Model Life-Cycle Hypothesis (Modigliani & Brumberg, 1954)**

# 2.1 Teori Asas dan Kerangka Kajian



(Sumber : Teori Utiliti (Marshall ,1920), Model Penggunaan dan Pengeluaran Isi Rumah (Magrabi et al.,1991) dan Model Hipotesis Kitaran Hidup (Modigliani & Brumberg, 1954)

## KERANGKA KAJIAN

## REKA BENTUK KAJIAN

- Kajian yang berbentuk korelasi
- Pendekatan kuantitatif menggunakan borang soal selidik.
- Pemilihan responden secara **persampelan sistematik**.

## SAIZ SAMPEL

- Saiz Sampel (S) oleh Dillman (2011): (383 orang)
- 500 orang responden disasarkan
- 469 borang boleh digunakan

# 3


## METODOLOGI KAJIAN

## PROSEDUR PENSAMPELAN


- Populasi penjawat awam di Putrajaya: 46,684 orang
- Pemilihan 5 buah kementerian: secara rawak
- Pemilihan 100 orang responden di setiap Kementerian: Persampelan sistematik
- Pemilihan responden dalam kalangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana daripada senarai direktori Kementerian.

## TEKNIK PENSAMPELAN

- 25 Buah Kementerian di Putrajaya
- 5 buah Kementerian dipilih secara rawak
- 100 orang responden di setiap Kementerian
- Pemilihan responden dalam kalangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana



- ✓ Analisis penerokaan melibatkan Ujian Kenormalan, Homoscedasticity, Hubungan Linear, *Multicollinearity Test*, *Outliers* dan Analisis Faktor.
- ✓ Analisis data menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences for Windows (SPSS)*



# 3 Instrumen Kajian

## Bahagian A: Latar Belakang Sosio-Demografi

- Jantina, Umur, Pendapatan Bulanan, Tempoh Perkhidmatan, Kumpulan Perkhidmatan

## Bahagian B: Kepuasan Terhadap Pendapatan

- 11 item , 5 skala-Likert,
- Diego-Rosell et al. (2018), Dolan et al. (2008) dan Schwarze, (2008b)

## Bahagian C: Kepuasan Terhadap Perbelanjaan

- 9 item , 5 skala-Likert,
- Ismail, (2016), Dolan et al., (2008) dan (Cooke, Melchert, & Connor, 2016).

## Bahagian D: Kepuasan Terhadap Simpanan

- 10 item , 5 skala-Likert,
- Ismail (2016) serta Davis dan Schumm (1987)

## Bahagian E: Kepuasan Terhadap Pemilikan Harta

- 10 item , 5 skala-Likert,
- Jacobs, Namy, Kes, Bob, dan Moodley (2011) dan Nino (2014).

## Bahagian F: Amalan Perlakuan Berekonomi

- 20 item , pilihan “ADA-TIADA”
- (Paim et al., 2008)

## Bahagian G: Kesejahteraan Ekonomi Subjektif


- 3 item , 5 skala-Likert,
- Rojas (2001), Diner, Emmons & Griffin (1985)

# Ujian Kebolehpercayaan


Instrumen	Bilangan item	Cronbach's Alpha Kajian Rintis (n=33)	Bilangan item	Cronbach's Alpha Kajian Sebenar (n=469)
Pendapatan	6	0.917	<b>11</b>	<b>0.953</b>
Perbelanjaan	3	0.836	<b>9</b>	<b>0.914</b>
Simpanan	3	0.928	<b>10</b>	<b>0.963</b>
Pemilikan Harta	2	0.974	<b>10</b>	<b>0.952</b>
Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	2	0.693	<b>3</b>	<b>0.934</b>

# 4.1 Maklumat Latar Belakang Responden


## Jantina




## Umur Responden




## Pendapatan Bulanan Isi Rumah



## Tempoh Perkhidmatan



## Kumpulan Perkhidmatan



## 4.2 Kepuasan Terhadap Pendapatan

Skala purata kepuasan responden ke atas pendapatan


Bil.	Pernyataan	Purata (Skala 1 - 5)	Sisihan Piawai
<b>Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:</b>			
<b>1.</b>	<b>Pendapatan hakiki yang diterima pada hari ini</b>	<b>3.19</b>	<b>.889</b>
2.	Jumlah pendapatan keseluruhan mencukupi untuk menampung keperluan bulanan diri anda	3.12	.926
3.	Jumlah kenaikan gaji tahunan pekerjaan hakiki / pekerjaan utama anda sebagai Penjawat Awam	2.98	.988
4.	Peningkatan pendapatan anda daripada pelbagai sumber berbanding dengan 12 bulan yang lepas	3.00	.914
5.	Pendapatan bulanan yang diterima sehingga mampu untuk dibuat simpanan atau pelaburan	2.85	.992
6.	Secara keseluruhannya, sejauh mana anda berpuas hati terhadap keseluruhan pendapatan anda	3.06	.931
7.	Pendapatan mencukupi untuk menampung keperluan isi rumah anda	3.17	.917
8.	Pertambahan pendapatan isi rumah anda setiap tahun	3.07	.897
9.	Peningkatan pendapatan isi rumah daripada pelbagai sumber	2.93	.871
10.	Peningkatan pendapatan isi rumah anda daripada pelbagai sumber berbanding dengan 12 bulan yang lepas	2.92	.886
11.	Secara keseluruhannya, sejauh mana anda berpuas hati terhadap keseluruhan pendapatan isi rumah anda	3.08	.923

**Petunjuk:**

**1= Sangat Tidak Berpuas Hati , 5 = Sangat Berpuas Hati**



# Tahap kepuasan responden terhadap pendapatan



Skor	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Rendah (11 - 25)	83	17.7
<b>Sederhana (26 - 39)</b>	<b>277</b>	<b>59.1</b>
Tinggi (40 - 55)	109	23.2

**Kaedah: *Possible Total Score***

Diener, E., Napa-Scollon, C. K., Oishi, S., Dzokoto, V., & Suh, E. M. (2000).

# 4.1 Kepuasan Terhadap Perbelanjaan


Skala purata kepuasan responden ke atas perbelanjaan

Bil.	Pernyataan	Purata (Skala 1 – 5)	Sisihan Piawai
<b>Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:</b>			
1.	Corak perbelanjaan bulanan anda?	3.07	.811
2.	Perbelanjaan bulanan yang dibuat memenuhi keperluan anda?	3.14	.832
3.	Perubahan (peningkatan/ penurunan) perbelanjaan yang dibuat untuk menangani kos sara hidup yang meningkat?	3.03	.890
4.	<b>Disiplin perbelanjaan anda?</b>	<b>3.18</b>	<b>.826</b>
5.	Perbelanjaan terhadap barangan yang berjenama dan mewah?	2.84	.918
6.	Perbelanjaan ke atas barangan yang mampu menonjolkan diri anda (cth: baju dan kasut) di khalayak atau rakan sekerja?	2.90	.846
7.	Perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan anda pada hari ini bagi mengekalkan taraf kehidupan isi rumah anda?	3.08	.806
8.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan perbelanjaan anda?	3.11	.854
9.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan perbelanjaan isirumah anda?	3.09	.858

**Petunjuk:**

**1= Sangat Tidak Berpuas Hati , 5 = Sangat Berpuas Hati**

# Tahap kepuasan responden terhadap perbelanjaan



Skor	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Rendah (9 - 21)	59	12.6
<b>Sederhana (22 - 34)</b>	<b>349</b>	<b>74.4</b>
Tinggi (35 - 45)	61	13

**Kaedah: Possible Total Score**

Diener, E., Napa-Scollon, C. K., Oishi, S., Dzokoto, V., & Suh, E. M. (2000).

# 4.3 Kepuasan Terhadap Simpanan


Skala purata kepuasan responden ke atas simpanan

Bil.	Pernyataan	Purata (Skala 1 – 5)	Sisihan Piawai
<b>Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:</b>			
1.	Jumlah simpanan bulanan yang dibuat?	2.61	.999
2.	<b>Bentuk simpanan yang dilakukan sekarang?</b>	<b>2.96</b>	<b>1.002</b>
3.	Jumlah simpanan keseluruhan yang dibuat?	2.65	1.007
4.	Matlamat yang telah berjaya dicapai melalui simpanan yang dilakukan?	2.75	.987
5.	Jumlah simpanan jika dibandingkan dengan tempoh perkhidmatan / tempoh bekerja yang telah dilalui?	2.52	.993
6.	Jumlah simpanan jika dibandingkan dengan usia anda pada hari ini?	<b>2.42</b>	.983
7.	Pulangan kepada pelaburan yang anda buat?	2.69	.946
8.	Jumlah simpanan yang dibuat mampu mengurangkan tekanan kewangan kepada anda dan isi rumah?	2.84	.969
9.	Simpanan dalam menempuhi fasa persaraan kelak?	2.65	.987
10.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan simpanan anda dan isi rumah anda?	2.65	.960

**Petunjuk:**

**1= Sangat Tidak Berpuas Hati , 5 = Sangat Berpuas Hati**

# Tahap kepuasan responden terhadap simpanan



Skor	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Rendah (10 - 23)	167	35.6
<b>Sederhana (24 - 37)</b>	<b>243</b>	<b>51.8</b>
Tinggi (38 - 50)	59	12.6

**Kaedah: Possible Total Score**

Diener, E., Napa-Scollon, C. K., Oishi, S., Dzokoto, V., & Suh, E. M. (2000). 21

## 4.3 Kepuasan Terhadap Pemilikan Harta


Skala purata kepuasan responden ke atas pemilikan harta

Bil.	Pernyataan	Purata Skala 1 – 5)	Sisihan Piawai
<b>Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:</b>			
1.	Pemilikan harta dalam bentuk simpanan tunai (Cth: simpanan di institusi kewangan)?	2.65	.954
2.	Pemilikan harta dalam bentuk hartanah?	2.65	1.053
3.	Pemilikan harta dalam bentuk pelaburan persaraan?	2.52	.955
4.	Pemilikan harta dalam bentuk insurans hayat / produk takaful / perlindungan insurans kesihatan?	2.84	1.026
5.	Pemilikan harta yang dimiliki pada hari ini selaras dengan pendapatan yang diterima?	2.74	.973
6.	<b>Pemilikan rumah kediaman sendiri sebagai keperluan asas pada hari ini?</b>	<b>2.99</b>	<b>1.059</b>
7.	Kepelbagaian pemilikan harta/ aset yang dimiliki pada hari ini?	2.79	.979
8.	Pemilikan harta berbanding tempoh perkhidmatan / tempoh anda telah bekerja?	2.77	.983
9.	Pemilikan harta berbanding umur anda sekarang?	2.71	1.017
10.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan pemilikan harta/ aset yang isirumah anda miliki?	2.80	.986

**Petunjuk:**

**1= Sangat Tidak Berpuas Hati , 5 = Sangat Berpuas Hati**

# Tahap kepuasan responden terhadap pemilikan harta



Skor	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Rendah (10 - 23)	146	31.1
<b>Sederhana (24 - 37)</b>	<b>262</b>	<b>55.9</b>
Tinggi (38 - 50)	61	13.0

**Kaedah: Possible Total Score**

Diener, E., Napa-Scollon, C. K., Oishi, S., Dzokoto, V., & Suh, E. M. (2000).

## 4.3 Perlakuan Berekonomi

Amalan perlakuan berekonomi responden

BIL.	PERNYATAAN PERLAKUAN BEREKONOMI	ADA n (%)	TIADA n (%)
1.	Mengurangkan pengambilan makanan	262 (55.9)	207 (44.1)
2.	Mengurangkan kekerapan makan	234 (49.9)	235 (50.1)
3.	Memboikot barangan yang mengalami kenaikan harga yang ketara.	132 (28.1)	337 (71.9)
4.	Mengurangkan aktiviti sosial bersama rakan-rakan	337 (71.9)	132 (28.1)
5.	Mengurangkan pemberian hadiah semasa majlis keramaian	292 (62.3)	177 (37.7)
6.	Mengurangkan percutian di dalam atau luar negeri	381 (81.2)	88 (18.8)
7.	Mengurangkan makan di luar / restoran bersama keluarga	358 (76.3)	111 (23.7)
8.	Membawa bekal ke tempat kerja / anak-anak ke sekolah	261 (55.7)	208 (44.3)
9.	Mengurangkan pembelian pakaian untuk diri dan anak-anak	327 (69.7)	142 (30.3)
10.	Mengurangkan aktiviti hobi bagi mengurangkan kos	360 (76.8)	109 (23.2)



## 4.3 Perlakuan Berekonomi (sambungan)

Amalan perlakuan berekonomi responden

Bil.	Pernyataan Perlakuan Berekonomi	ADA n (%)	TIADA n (%)
11.	Membuat pembelian semasa jualan murah / promosi	410 (87.4)	59 (12.6)
12.	<i>Membeli di kedai yang menawarkan pada harga yang rendah / murah dengan membuat perbandingan harga.</i>	<b>436 (93.0)</b>	<b>33 (7.0)</b>
13.	Membeli barangan yang lebih murah walaupun kualiti yang lebih rendah.	271 (57.8)	198 (42.2)
14.	Hanya membeli barangan yang mempunyai diskaun jika di pasaraya.	330 (70.4)	139 (29.6)
15.	Membeli barangan di bawah label jenama kedai berbanding barangan berjenama terkenal.	326 (69.5)	143 (30.5)
16.	Membuat pembelian secara pukal	285 (60.8)	184 (39.2)
17.	<i>Menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja</i>	<b>73 (15.6)</b>	<b>396 (84.4)</b>
18.	Menurunkan pakej perkhidmatan tv berbayar / internet	260 (55.4)	209 (44.6)
19.	Mengurangkan pergi membeli-belah di pasaraya	358 (76.3)	111 (23.7)
20.	Menjimatkan penggunaan elektrik di rumah dengan memastikan suis ditutup jika tidak digunakan.	433 (92.3)	36 (7.7)

# Tahap amalan perlakuan berekonomi

Skor	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Rendah (0 - 6)	47	10.0
Sederhana (7 - 13)	140	29.9
<b>Tinggi (14 - 20)</b>	<b>282</b>	<b>60.1</b>

**DISCOUNT 70% OFF**  
\*For Selected Items Only!

**Kaedah: Possible Total Score**

Diener, E., Napa-Scollon, C. K., Oishi, S., Dzokoto, V., & Suh, E. M. (2000).

## 4.3 Kesejahteraan Ekonomi Subjektif

Skala purata kesejahteraan ekonomi subjektif responden

Bil.	Pernyataan	Purata (Skala 1 – 5)	Sisihan Piawai
<b>Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:</b>			
1.	Keadaan ekonomi anda sekarang?	2.73	.955
2.	<b>Keadaan ekonomi isi rumah anda sekarang?</b>	<b>2.83</b>	<b>.922</b>
3.	Sejauh mana keadaan ekonomi isirumah sekarang mampu menyerap kejutan ekonomi yang berlaku.	2.71	.895

**Petunjuk:**

**1= Sangat Tidak Berpuas Hati , 5 = Sangat Berpuas Hati**




# Tahap kesejahteraan ekonomi subjektif

Skor	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Rendah (3 - 7)	168	35.8
<b>Sederhana (8 - 12)</b>	<b>291</b>	<b>62.0</b>
Tinggi (13 - 15)	10	2.1

**Kaedah: *Possible Total Score***




# 4.8 Keputusan Hipotesis

**Objektif 4**

Bil.	Hipotesis	Ujian	Keputusan	Kesimpulan
H <sub>a1</sub>	Terdapat perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam mengikut jantina.	Ujian-t	t= -.316 p= .752	Ditolak 
Kesejahteraan ekonomi subjektif adalah <b>tidak berbeza</b> mengikut jantina.				
H <sub>a2</sub>	Terdapat perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam mengikut umur.	ANOVA Sehala	F= 4.307 P= 0.014	Diterima 
Kumpulan umur 50 tahun ke atas mempunyai tahap Kesejahteraan Ekonomi Subjektif yang tertinggi				
H <sub>a3</sub>	Terdapat perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam mengikut kumpulan pendapatan isi rumah.	ANOVA Sehala	F= 7.168 P= 0.000	Diterima 
Kumpulan pendapatan >RM9,001 ke atas mempunyai tahap Kesejahteraan Ekonomi Subjektif yang tertinggi				



# 4.8 Keputusan Hipotesis

**Objektif 5**

Bil.	Hipotesis	Ujian	Keputusan	Kesimpulan
<b><math>H_a4</math></b>	Terdapat perkaitan yang signifikan kepuasan pendapatan dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam.	Korelasi Pearson	$r = 0.666$ $p = 0.000$	Diterima 
		Kekuatan yang sederhana.		
<b><math>H_a5</math></b>	Terdapat perkaitan yang signifikan kepuasan perbelanjaan dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam.	Korelasi Pearson	$r = 0.668$ $p = 0.000$	Diterima 
		Kekuatan yang sederhana.		
<b><math>H_a6</math></b>	Terdapat perkaitan yang signifikan kepuasan simpanan dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam.	Korelasi Pearson	$r = 0.641$ $p = 0.000$	Diterima 
		Kekuatan yang sederhana.		

# 4.8 Keputusan Hipotesis

**Objektif 5**

Bil.	Hipotesis	Ujian	Keputusan	Kesimpulan
<b><math>H_{a7}</math></b>	Terdapat perkaitan yang signifikan kepuasan pemilikan harta dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam.	Korelasi Pearson	$r = 0.675$ $p = 0.000$	Diterima 
		Kekuatan yang sederhana.		
<b><math>H_{a8}</math></b>	Terdapat perkaitan yang signifikan perlakuan berekonomi dengan kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam.	Korelasi Pearson	$r = 0.309$ $p = 0.000$	Diterima 
		Kekuatan yang rendah		

$H_a9$  : Sosio-demografi, kepuasan pendapatan, kepuasan perbelanjaan, kepuasan simpanan, kepuasan pemilikan harta dan perlakuan berekonomi merupakan menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi subjektif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

Pemboleh ubah	Estimate	Std. Error	Standardized coefficient $\beta$	t	Sig.
Constant	-.369	.722		-.511	.610
Umur ( $X_1$ )	.367	.205	0.071	1.793	0.074
Pendapatan Isi Rumah <RM1,500 ( $X_2$ )	-.792	.775	-.039	-1.022	.308
Pendapatan Isi Rumah RM1,501 –RM3,000 ( $X_3$ )	.265	.261	.041	1.015	.311
Pendapatan Isi Rumah RM6,001-RM9,000 ( $X_4$ )	.319	.209	.061	1.525	.128
Kepuasan Pendapatan ( $X_5$ )	.080	.016	<b>1</b> .257	<b>5.044</b>	<b>0.000**</b>
Kepuasan Perbelanjaan ( $X_6$ )	.093	.024	<b>3</b> .205	3.916	<b>0.000**</b>
Kepuasan Simpanan ( $X_7$ )	.046	.018	.151	2.606	<b>0.010**</b>
Kepuasan Pemilikan Harta ( $X_8$ )	.071	.017	<b>2</b> .229	4.112	<b>0.000**</b>
Perlakuan Berekonomi ( $X_9$ )	-.044	.022	-.077	-1.972	<b>0.049**</b>

#### Model Summary

R	R <sup>2</sup>	Adjusted R <sup>2</sup>	SE of the Estimate
0.737	<b>0.543</b>	0.531	1.670

Pemboleh ubah bersandar: Kesejahteraan Ekonomi Subjektif

\*\*p<.05

**Kepuasan Pendapatan jadi penyumbang terbesar**

#### Persamaan Model Regresi Pelbagai

$$Y = -.369 + .367 X_1 + -.792 X_2 + .265 X_3 + .319 X_4 + .080 X_5 + .093 X_6 + .046 X_7 + .071 X_8 + -.044 X_9$$



## 5.1 KESIMPULAN

---

### Kesimpulan

- Tahap kepuasan responden terhadap pendapatan, perbelanjaan, pemilikan harta dan simpanan berada tahap sederhana.
- Tahap kesejahteraan ekonomi subjektif responden berada pada tahap sederhana
- Amalan perlakuan berekonomi responden berada pada tahap tinggi, ini bermakna responden mengambil tindakan dan bertindak balas di atas isu keniakan kos sara hidup yang semakin menghimpit.
- Faktor penyumbang kepada kesejahteraan ekonomi subjektif adalah kepuasan terhadap pendapatan, perbelanjaan, pemilikan harta, simpanan dan amalan perlakuan berekonomi dengan peramal kepuasan pendapatan merupakan penyumbang terbesar ke atas kesejahteraan ekonomi subjektif.

## 5.2 IMPLIKASI KAJIAN



Kerajaan



Gedung Ilmu



Pengguna

- Tahap kesejahteraan ekonomi subjektif di dapati berada pada tahap sederhana sahaja;
- **Semakan semula** penetapan gaji penjawat awam;
- Tahap kepuasan responden ke atas pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta juga berada pada tahap yang sederhana dan **memerlukan perhatian segera oleh pihak kerajaan**;
- Kawalan ke atas tahap keberhutangan kakitangan awam
- Kajian mengenai kesejahteraan ekonomi subjektif tidak pernah dijalankan
- **Perintis kepada kajian berkaitan** kesejahteraan ekonomi subjektif pada masa-masa akan datang;
- Penemuan kajian ini juga dapat memberikan **implikasi yang signifikan** kepada penyelidik di masa akan datang
- Dapatan kajian boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan untuk pengguna
- **Mengadaptasikan perlakuan berekonomi yang lebih baik bersesuaian dengan tahap ekonomi keluarga mereka**

## 5.3 CADANGAN KAJIAN



Kajian diperluaskan ke kawasan berstatus perbandaran yang rendah seperti di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis



Kajian dapat diperluaskan kepada kumpulan isi rumah dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 yang bekerja di dalam sektor swasta seperti perkilangan serta perindustrian



Menggunakan pemboleh ubah lain sebagai peramal kepada kesejahteraan ekonomi subjektif

## PENERBITAN / PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN

Jurnal  
Pengguna Malaysia



Malaysian J

Jurnal  
Pengguna Malaysia  
Malaysian Journal of Consumer



ISBN 1511 - 998x

Mohd Haziman, A.G., Laily, P., & Mohamad Fazli, (2018).

Tahap kepuasan ke atas pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya

Jurnal Pengguna Malaysia, 30, 81-102.

A close-up photograph of a hand holding a white rectangular card. The hand is positioned on the left side of the frame, with the thumb and index finger gripping the card. The card is held against a plain white background. The text on the card is centered and consists of a large blue heading and a smaller black line of text below it.

# Terima Kasih

E-mel: [mohd.haziman.ghani@gmail.com](mailto:mohd.haziman.ghani@gmail.com)

